

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kelantan secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM453.68 juta iaitu meningkat sebanyak RM42.17 juta berbanding RM411.51 juta pada akhir tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM47.61 juta. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM26.49 juta atau 3.5% menjadi RM773.48 juta berbanding RM746.99 juta pada tahun 2020.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-12 pada tahun 2021 adalah memuaskan iaitu sejumlah RM152.87 juta atau 31.9% telah dibelanjakan daripada RM479.29 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 2,093 jumlah projek yang dirancang, 2,057 projek atau 98.3% telah disiapkan sepenuhnya, 14 projek atau 0.7% sedang dilaksanakan dan 22 projek atau 1% masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM16.70 juta atau 3.6% daripada RM465.01 juta pada tahun 2020 kepada RM481.71 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik

Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM19.39 juta atau 8.6% daripada RM226.29 juta pada tahun 2020 kepada RM245.68 juta pada tahun 2021.

- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM11.13 juta atau 1.4% menjadi RM830.30 juta berbanding RM819.17 juta pada tahun 2020. Tuggakan Bayaran Balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM27.08 juta atau 7.7% menjadi RM379.01 juta berbanding RM351.93 juta pada tahun 2020.
- Pihak Audit mengesyorkan Kerajaan negeri melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan hasil dan mengawal perbelanjaan secara berhemat bagi memperkuatkan kedudukan kewangan. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan negeri adalah seperti berikut:
 - meningkatkan hasil dengan mengambil tindakan susulan yang berkesan bagi mendapatkan hasil yang tertunggak;
 - mengawal perbelanjaan dengan memastikan perbelanjaan dilaksanakan mengikut keperluan dan kedudukan aliran tunai;
 - mengawal perbelanjaan di bawah AP 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima serta tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa;
 - mempertingkatkan kawalan dalam terhadap pengurusan pelaburan dengan memastikan nilai bawaan pelaburan di Penyata Kewangan ialah tepat berdasarkan kuantiti saham terkini yang dimiliki oleh Kerajaan negeri;
 - mempertimbangkan penstruktur atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman oleh agensi yang terjejas kesan dari pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP tertakluk kepada kedudukan aliran tunai semasa Kerajaan negeri; dan

- memantau dan melaksanakan penguatkuasaan ke atas ABT dan tunggakan hasil untuk memastikan ketepatan Penyata Kewangan Kerajan negeri.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 – RM773.48 Juta	2021 – (RM137.57 Juta)	2021 – RM481.71 Juta
2020 – RM746.99 Juta	2020 – (RM185.18 Juta)	2020 – RM465.01 Juta
↓ BELANJA	↑ AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2021 – RM834.74 Juta	2021 – RM365.50 Juta	2021 – RM7.21 Juta
2020 – RM900.03 Juta	2020 – RM0	2020 – RM7.20 Juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2021 – RM225.75 Juta	2021 – RM830.30 Juta
	2020 – RM596.69 Juta	2020 – RM819.17 Juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan penyata kewangan Kerajaan negeri tahun 2021, juga membuat analisis terhadap maklumat kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM773.48 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana

adalah bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM834.74 juta. Sehubungan itu, Kerajaan negeri mengalami defisit berjumlah RM61.26 juta. Butiran Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL:				
Hasil Cukai	151.82	136.12	15.7	11.5
Hasil Bukan Cukai	285.94	231.33	54.61	23.6
Teriman Bukan Hasil	335.72	379.54	(43.82)	(11.5)
JUMLAH HASIL	773.48	746.99	26.49	3.5
PERBELANJAAN:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	681.87	701.55	(19.68)	(2.8)
Perbelanjaan Pembangunan	152.87	198.48	(45.61)	(23.0)
JUMLAH PERBELANJAAN	834.74	900.03	(65.29)	(7.3)
LEBIHAN/(DEFISIT)	(61.26)	(153.04)	91.78	60.0
DEFISIT DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman	365.50	0.52	364.98	>1,000.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	42.53	56.05	(13.52)	(24.1)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(346.77)	96.47	(443.24)	(459.5)
JUMLAH PEMBIAYAAN	61.26	153.04	(91.78)	60.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

3.2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2021 adalah stabil. Pada tahun 2021, prestasi kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM61.26 juta, ini menunjukkan defisit yang lebih kecil dicatatkan berbanding defisit tahun 2020 dengan penurunan sebanyak RM91.78 juta (60%) berbanding defisit sejumlah RM153.04 juta pada tahun 2020. Defisit ini dibiayai oleh Pinjaman dan Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM453.68 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai sejumlah RM449.70 juta dan Pelaburan sejumlah RM3.98 juta.

4.2. Pada tahun 2021, terdapat pindaan terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) pada 1 Januari 2021. Pindaan ini melibatkan pengelasan semula Akaun

Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Akaun Pendahuluan Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Akaun Penyelesaian di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum ini dipindahkan ke Akaun Pinjaman Disatukan. Manakala, Akaun Amanah Hutan telah diklasifikasikan semula sebagai Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(137.57)	(185.18)	47.61	25.7
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	365.50	0.00	365.50	100.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	225.75	596.69	(370.94)	(62.2)
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(1,069.99)	(1,005.54)	(64.45)	(6.4)
	• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	113.41	0.00	113.41	100.0
	• Kumpulan Wang Bekalan Air	(85.77)	(87.77)	2.00	2.3
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	706.97	1,096.19	(389.22)	(35.5)
	• Kumpulan Wang Amanah Awam	38.13	137.61	(99.48)	(72.3)
	• Akaun Deposit	523.00	456.20	66.80	14.6
JUMLAH		453.68	411.51	42.17	10.2

Sumber:Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


4.3. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM42.17 juta atau 10.2% kepada RM453.68 juta berbanding tahun 2020 berjumlah RM411.51 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan penurunan defisit Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM47.61 juta atau 25.7% daripada defisit RM185.18 juta pada tahun 2020 menjadi defisit RM137.57 juta pada tahun 2021. Selain itu, peningkatan juga berpunca daripada peningkatan Akaun Deposit sebanyak RM66.80 juta atau 14.6% kepada RM523 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM456.20 juta. Antara penyumbang utama peningkatan baki Akaun Deposit ialah terimaan deposit pampasan tanah Jambatan Palekbang oleh East Coast Economic Region (ECER) sejumlah RM15 juta dan bantuan banjir sejumlah RM1 juta oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Terimaan ini diperakaunkan ke Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATT) pada 31 Disember 2021. Selain itu, Kerajaan negeri turut menerima terimaan Deposit Am berjumlah RM22.91 juta bagi tujuan pengoperasian Pusat Kuarantine dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC). Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(716.77)	(676.31)	(230.62)	(185.18)	(137.57)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	24.51	5.00	0.00	0.00	365.50
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	754.98	743.50	738.00	596.69	225.75
3.	• Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	930.24	984.64	1,000.43	1,008.42	621.20
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(699.04)	(789.88)	(863.63)	(1,005.54)	(1,069.99)
	• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	0.00	0.00	0.00	0.00	113.41
	• Kumpulan Wang Amanah Awam	92.06	108.98	127.85	137.61	38.13
	• Akaun Deposit	431.72	439.76	473.35	456.20	523.00
	JUMLAH	62.72	72.19	507.38	411.51	453.68

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada akhir tahun 2021 dan tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak RM168.17 juta atau 59.7% yang melibatkan Wang Tunai Dalam Bank menjadi RM449.50 juta berbanding RM281.33 juta pada tahun 2020. Analisis lanjut mendapati peningkatan wang tunai sebanyak RM168.17 juta disebabkan oleh peningkatan ketara pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang sebanyak RM140 juta berbanding tahun 2020. Peningkatan ini adalah kerana pertambahan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang dan sejumlah RM112 juta pelaburan Deposit Dalam Negeri yang melebihi tiga bulan telah ditukar kepada Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	449.50	281.33	168.17	59.8
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.20	0.20	0.00	0.0
JUMLAH		449.70	281.53	168.17	59.7

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2021, pelaburan Kerajaan negeri terdiri daripada Deposit Dalam Negeri dan pegangan saham yang dilabur menggunakan lebihan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan.

5.2.2. Baki pelaburan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM126 juta atau 96.9% menjadi RM3.98 juta berbanding RM129.98 juta pada tahun 2020. Perubahan baki menunjukkan penurunan yang ketara kerana penjualan pelaburan Deposit Dalam Negeri yang melebihi tiga bulan sejumlah RM14 juta dan baki sejumlah RM112 juta telah dilaburkan ke dalam Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA
AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	3.98	3.98	0.00	0.0
2.	Deposit Dalam Negeri	0.00	126.00	(126.00)	(100.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER		3.98	129.98	(126.00)	(96.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2.3. Melalui pelaburan Deposit Dalam Negeri dan saham pada tahun 2021, Kerajaan negeri hanya menerima pulangan berjumlah RM3.15 juta yang menunjukkan penurunan pulangan sebanyak RM1.54 juta atau 32.8% berbanding RM4.69 juta pada tahun 2020. Analisis Audit mendapati dividen pelaburan saham pada tahun 2021 berjumlah RM1.13 juta terdiri daripada dividen saham Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM0.41 juta dan Tenaga Nasional Berhad berjumlah RM0.72 juta. Faedah yang diterima daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri adalah sejumlah RM2.02 juta juga menunjukkan penurunan sebanyak RM1.08 juta atau 34.8% berbanding RM3.10 juta pada tahun 2020. Pulangan pelaburan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PULANGAN PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Faedah Daripada Deposit Dalam Negeri	2.02	3.10	(1.08)	(34.8)
2.	Dividen Daripada Saham	1.13	1.59	(0.46)	(28.9)
JUMLAH		3.15	4.69	(1.54)	(32.8)

Sumber: Rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Tahun 2021

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga kutipan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan lebihan semasa berjumlah RM47.61 juta berbanding lebihan RM45.44 juta pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak RM2.17 juta atau 4.8%. Hal ini disebabkan peningkatan hasil sebanyak RM26.49 juta atau 3.5% dan peningkatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM24.32 juta atau 3.5% berbanding tahun 2020. Dengan mengambil kira lebihan Akaun Semasa, baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah berkurang menjadi RM137.57 juta berbanding RM185.18 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Baki Pada 1 Januari	(185.18)	(230.62)	45.44	19.7
2.	Hasil	773.48	746.99	26.49	3.5
3.	Perbelanjaan Mengurus	725.87*	701.55	24.32	3.5
LEBIHAN		47.61	45.44	2.17	4.8
BAKI PADA 31 DISEMBER		(137.57)	(185.18)	47.61	25.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan (RM42 juta) dan pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (RM2 juta)

6.3. Analisis perbandingan bagi tahun 2017 hingga 2021 mendapati baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun mulai tahun 2018.

Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 mencatatkan prestasi yang paling baik dalam tempoh lima tahun. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021


BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(755.59)	(716.77)	(676.31)	(230.62)	(185.18)
Hasil	581.33	586.94	1,025.19	746.99	773.48
Perbelanjaan Mengurus	542.51	546.49	579.50	701.55	725.87 ¹
Lebihan/Defisit	38.82	40.46²	445.69	45.44	47.61
BAKI PADA 31 DISEMBER	(716.77)	(676.31)	(230.62)	(185.18)	(137.57)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (1) - Perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan (RM42 juta) dan pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (RM2 juta)

(2) - Jumlah lebihan/defisit hasil adalah perbezaan keseluruhan yang telah dibundarkan.

CARTA 2
TREND AKAUN HASIL DISATUKN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Pada tahun

2021, Kerajaan negeri telah meluluskan anggaran hasil berjumlah RM1.024 bilion manakala kutipan hasil sebenar berjumlah RM773.48 juta, iaitu RM250.19 juta atau 24.4% kurang daripada anggaran yang diluluskan. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN PADA TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	LEBIHAN/KURANGAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	214.91	151.82	(63.09)	(29.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	454.44	285.94	(168.5)	(37.1)
3.	Terimaan Bukan Hasil	354.32	335.72	(18.6)	(5.2)
JUMLAH		1,023.67	773.48	(250.19)	(24.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM773.48 juta, iaitu meningkat sebanyak RM26.49 juta atau 3.5% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM746.99 juta. Peningkatan kutipan hasil adalah disebabkan oleh kutipan Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai yang meningkat sebanyak RM70.31 juta. Antara sebab peningkatan hasil cukai adalah pertambahan kutipan cukai tanah sebanyak RM2.47 juta atau 3% iaitu merangkumi kutipan tunggakan cukai tanah dan cukai tanah pertama. Kutipan royalti juga meningkat termasuk royalti hutan serta perlombongan sebanyak RM13.21 juta atau 25.5% kepada RM65.06 juta berbanding tahun 2020. Sementara itu, peningkatan Hasil Bukan Cukai adalah disumbangkan oleh kenaikan kutipan Premium Tanah. Kutipan ini adalah bagi bayaran Premium Tanah oleh KESEDAR berjumlah RM6.56 juta dan sebahagian pampasan berjumlah RM25 juta kepada Kerajaan negeri bagi Projek Hidro Elektrik Nenggiri. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	KATEGORI	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	151.82	136.12	15.70	11.5
2.	Hasil Bukan Cukai	285.94	231.33	54.61	23.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	335.72	379.54	(43.82)	(11.5)
JUMLAH		773.48	746.99	26.49	3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


6.4.3. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2020. Hasil pada tahun 2020 telah menurun disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kutipan hasil pada tahun 2019 mencatatkan kutipan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 3**.

JADUAL 11
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	96.89	123.91	156.62	136.12	151.82
2.	Hasil Bukan Cukai	329.71	348.65	317.18	231.33	285.94
3.	Terimaan Bukan Hasil	154.73	114.38	551.39	379.54	335.72
JUMLAH		581.33	586.94	1,025.19	746.99	773.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4.4. Hasil Kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri adalah terimaan Premium Tanah yang Lain, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Pemberian Wang Ehsan dan Lebihan Dari Akaun Amanah yang Lain. Butiran hasil ini telah menyumbang RM469.49 juta atau 60.7% daripada jumlah hasil tahun 2021 yang berjumlah RM773.48 juta. Butiran terperinci lima penyumbang utama hasil Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN
NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	PUNCA HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Premium Tanah yang Lain	121.74	81.77	39.97	48.9
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	75.14	76.67	(1.53)	(2.0)
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	39.55	17.89	21.66	121.1
4.	Pemberian Wang Ehsan	201.04	196.48	4.56	2.3
5.	Lebihan Dari Akaun Amanah yang Lain	32.02	68.63	(36.61)	(53.3)
JUMLAH		469.49	441.44	28.05	6.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.5. Analisis Audit mendapati 17 butiran hasil menunjukkan peningkatan pada tahun 2021. Premium Tanah Yang Lain menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM39.97 juta pada tahun 2021 menjadi RM121.74 juta berbanding RM81.77 juta pada tahun 2020. Lima butiran hasil yang mencatat peningkatan ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI						
1.	Royalti Emas	10.17	5.30	4.87	91.9	Aktiviti perlombongan emas meningkat disebabkan terdapat dua syarikat beroperasi sepenuhnya sepanjang tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu hanya satu syarikat sahaja beroperasi dalam tempoh sembilan bulan pertama dan dua syarikat bagi tempoh tiga bulan terakhir.

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
HASIL BUKAN CUKAI						
2.	Premium Tanah Yang Lain	121.74	81.77	39.97	48.9	Peningkatan ini disebabkan terimaan hasil tanah daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebanyak RM22 juta bagi dua sekolah di daerah Pasir Mas. Peningkatan turut berpunca daripada pertambahan permohonan milik tanah PTP yang baru dan bayaran Notis 5A telah dijelaskan dan diluluskan pada tahun 2021.
3.	Jualan Tanah	10.39	0.10	10.29	>1,000.0	Peningkatan disebabkan pungutan daripada kelulusan pajakan tanah Pesuruhjaya Tanah Kelantan (PTK). Faktor pungutan bergantung kepada kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
4.	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	7.05	1.51	5.54	366.9	Peningkatan disebabkan oleh penyalaran kod iSPEKS dengan kod Sistem Hasil Tanah Kelantan (SHTK). Kod perakaunan (COA) H0171104 (Bayaran Pendaftaran Tanah) kebanyakannya telah dipindah masuk ke dalam kod perakaunan (COA) H0272499 (Bayaran Perkhidmatan Yang Lain). Selain itu, berlaku pertambahan urus niaga untuk bayaran surat sumpah, perlentakan, bayaran memperenggan, pendaftaran hakmilik, bayaran salinan dokumen, bayaran siasatan dan laporan.
TERIMAAN BUKAN HASIL						
5.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	39.55	17.89	21.66	121.1	Terdapat tambahan penyaluran Pemberian Senarai Bersama Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2021 kerana berlaku kesilapan pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk tahun 2019 dan 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.6. Analisis Audit mendapati butiran Pelbagai Sumbangan yang Lain menunjukkan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2021, iaitu sebanyak RM31.94 juta atau 99.9%. Lima butiran hasil yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG
KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
HASIL BUKAN CUKAI						
1.	Pelbagai Sumbangan yang Lain	0.01	31.95	(31.94)	(99.9)	Penurunan ini disebabkan oleh penyalaran kod iSPEKS dengan kod SPEK pada tahun 2021. Kod perakaunan (COA) H0177999 (Pelbagai Sumbangan yang Lain) bagi hasil penerimaan bayaran fi permohonan atau ISF (Improvement Services Fund) Projek Pembangunan Persekutuan telah dipindah masuk ke kod perakaunan (COA) H0182311 (Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan). Pada tahun 2021, Kerajaan negeri hanya menerima sumbangan daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan berjumlah RM10,000 di bawah kod perakaunan (COA) H0177999.
2.	Bayaran Pendaftaran Tanah	8.99	13.98	(4.99)	(35.7)	Penurunan hasil disebabkan penyalaran kod iSPEKS dengan kod SHTK. Kod perakaunan (COA) H0171104 (Bayaran Pendaftaran Tanah) kebanyakannya dipindah masuk ke dalam kod perakaunan (COA) H0272499 (Bayaran Perkhidmatan yang Lain). Selain itu, kekangan oleh polisi semasa penularan Covid-19 yang menghadkan bilangan pelanggan kepada yang telah lengkap vaksinasi dua dos dan perlu melalui temujanji untuk berurusan dengan kaunter menyebabkan bilangan pendaftaran menurun.
3.	Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran (DPW)	9.48	12.97	(3.49)	(26.9)	Penurunan hasil disebabkan pada tahun 2021, Kerajaan negeri hanya menerima faedah daripada pelaburan deposit jangka pendek sahaja berbanding pada tahun 2020, terimaan hasil adalah dari pelaburan deposit jangka panjang dan pendek.
TERIMAAN BUKAN HASIL						
4.	Lebihan Dari Akaun Amanah yang Lain	32.02	68.63	(36.61)	(53.3)	Pindahan deposit yang tidak dituntut selepas diwartakan hanya melibatkan 13 jabatan kerana kebanyakan deposit tidak dituntut telah diwartakan pada tahun-tahun sebelum.
5.	Sumbangan Daripada Anak Syarikat	1.01	5.99	(4.98)	(83.1)	Penurunan disebabkan sumbangan tidak diterima daripada tiga anak syarikat iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd., Kifaalah Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ladang Rakyat bagi tahun 2021.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan oleh DUN bagi perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM1.152 bilion berbanding RM962.78 juta yang diluluskan pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM189.26 juta atau 19.7%. Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
PERUNTUKAN MENGURUS YANG
DILULUSKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN 2021 (RM Juta)	PERUNTUKAN 2020 (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	199.45	199.45	0.00	0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	154.08	141.64	12.44	8.8
3.	Aset	37.16	37.57	(0.41)	(1.1)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	758.50	581.72	176.78	30.4
5.	Perbelanjaan Lain	2.85	2.40	0.45	18.8
JUMLAH		1,152.04	962.78	189.26	19.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.2. Analisis Audit mendapati tiga peruntukan mengurus mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan (RM12.44 juta atau 8.8%), Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (RM176.78 juta atau 30.4%), dan Perbelanjaan Lain (RM0.45 juta atau 18.8%). Peruntukan bagi Emolumen adalah tidak berubah dan peruntukan bagi Aset mencatatkan penurunan RM0.41 juta atau 1.1%. Justifikasi bagi peningkatan/penurunan peruntukan mengurus pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN PERUNTUKAN
MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN 2021	PERUNTUKAN 2020	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	199.45	199.45	0.00	0.0	Tiada perubahan.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	154.08	141.64	12.44	8.8	Peningkatan komitmen Kerajaan terhadap bil utiliti, perkhidmatan cuci bangunan, perkhidmatan kawalan keselamatan, gaji staf sambilan dan kontrak.
3.	Aset	37.16	37.57	(0.41)	(1.1)	Peruntukan yang diluluskan adalah mengikut kewajaran dan keperluan Jabatan.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	758.50	581.72	176.78	30.4	<ul style="list-style-type: none"> Butiran baru Sumbangan DiRaja di bawah Pejabat Sultan. Peningkatan bayaran emolumen kepada kakitangan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan peruntukan bagi membayar Sumbangan Membantu Kadar kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Peningkatan ketara bagi Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun untuk menampung perbelanjaan pembangunan.
5.	Perbelanjaan Lain	2.85	2.40	0.45	18.8	Peruntukan yang diluluskan adalah khas untuk pulang balik perbelanjaan yang telah dijadikan hasil dan lain-lain perbelanjaan yang tidak dijeniskan di bawah mana-mana Objek Am.
JUMLAH		1,152.04	962.78	189.26	19.7	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.3. Analisis Audit mendapati peruntukan asal perbelanjaan mengurus bagi tahun 2021 berjumlah RM1.090 bilion dan peruntukan tambahan sejumlah RM62.34 juta menjadikan jumlah peruntukan muktamad bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM1.152 bilion. Sejumlah RM725.87 juta atau 63% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan muktamad tahun 2021. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	199.45	184.78	14.67	7.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	154.08	129.69	24.39	15.8
3.	Aset	37.16	24.63	12.53	33.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	758.50	385.28	373.22	49.2
5.	Perbelanjaan Lain	2.85	1.49	1.36	47.7
JUMLAH		1,152.04	725.87*	426.17	37.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan (RM42 juta) dan pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (RM2 juta)

6.5.4. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2021 berjumlah RM725.87 juta, iaitu meningkat sebanyak RM24.32 juta atau 3.5% berbanding RM701.55 juta pada tahun 2020. Punca peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM12.92 juta. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	184.78	178.68	6.10	3.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	129.69	125.24	4.45	3.6
3.	Aset	24.63	23.99	0.64	2.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	385.28	372.36	12.92	3.5
5.	Perbelanjaan Lain	1.49	1.28	0.21	16.4
JUMLAH		725.87*	701.55	24.32	3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Perbelanjaan mengurus termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan (RM42 juta) dan pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (RM2 juta)

6.5.5. Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2021 berbanding perbelanjaan tahun 2020. Pada tahun 2021, perbelanjaan bagi Pemberian Dalam Negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM16.80 juta kerana perbelanjaan operasi Covid-19. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Jadual 20**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN YANG
KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	361.57	344.77	16.80	4.9	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan Covid-19. • Pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air. • Ganjaran tamat perkhidmatan sebagaimana Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 5 Tahun 2021). • Sumbangan peruntukan bagi penambahbaikan Pejabat Dakwah Halaqat kawasan Negeri Kelantan. • Peningkatan Kursus Pra Perkahwinan di setiap jajahan.
2.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	80.36	76.03	4.33	5.7	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran penyelenggaraan sistem perakaunan SPEKS dan iSPEKS. • Kenaikan elaun imam dan bilal pada bulan Jun 2021. • Pelantikan kakitangan kontrak yang ditempatkan di pelbagai jabatan dan majlis daerah di seluruh Negeri Kelantan.
3.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	9.77	5.68	4.09	72.0	Bayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak tiga kali berjumlah RM2,500 seorang.
4.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	10.50	8.39	2.11	25.1	<ul style="list-style-type: none"> • Pengubahsuaian ruang pejabat kerana pertambahan kakitangan. • Pebaikan istana.
5.	Bangunan	4.38	2.47	1.91	77.3	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja yang tertangguh kerana PKP dalam tahun 2020 dan kerja-kerja tersebut disiapkan dalam tahun 2021. • Kerja membina dan memasang tangga baharu di tangki air utama Kompleks Kota Darulnaim. • Kerja membina bilik pegawai dan bahagian baharu, menaiktaraf bahagian sedia ada, membina parkir tambahan berbumbung serta membina dan menyiapkan kawasan letak kereta baharu.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 20
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN YANG
KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Kos Kewangan	8.75	11.94	(3.19)	(26.7)	Bayaran hutang membina Lebuhraya Rakyat dan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan tuntutan daripada kontraktor dan aliran tunai kerajaan.
2.	Pinjaman dan Pendahuluan	10.98	12.96	(1.98)	(15.3)	Penurunan pinjaman diberi kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada tahun 2021 berjumlah RM1.38 juta berbanding tahun 2020 berjumlah RM4.23 juta.
3.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	3.90	5.57	(1.67)	(30.0)	Tuntutan berkurangan yang disebabkan pelaksanaan PKP.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.6. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan RM22.40 juta bagi menangani penularan wabak Covid-19. Antara perbelanjaan utama adalah sumbangan keperluan asas makanan, bantuan Sejahtera Tani serta bantuan dan bayaran saguhati kepada penjaja Bazar Ramadhan.

6.5.7. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Pada tahun 2021, pembayaran di bawah AP 58(a) berjumlah RM1.76 juta melibatkan 187 baucar bayaran di 26 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Daripada 26 PTJ yang terlibat, 12 PTJ menunjukkan peningkatan bayaran dan 14 PTJ menunjukkan penurunan bayaran.
- b. Secara keseluruhannya, **pembayaran di bawah AP 58(a) meningkat sebanyak RM0.86 juta atau 95.6% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.90 juta**. Antara perbelanjaan yang terlibat ialah bayaran tunggakan caruman PERKESO, bayaran bil minyak, penyelenggaraan bangunan dan kebersihan, bayaran rawatan perubatan, bayaran elaun perjalanan, bayaran bekalan bencana banjir dan bantuan bencana kebakaran/ribut. Maklumat pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	2021		2020		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR	(RM Juta)	BIL. BAUCAR	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Sultan	9	1.12	3	0.07	1.05	>1,000.0
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	141	0.41	180	0.65	(0.24)	(36.9)
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	21	0.15	1	0.01	0.14	>1,000.0
4.	Jabatan Pertanian Negeri	1	0.04	-	0.00	0.04	100.0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Tanah Merah	1	0.01	-	0.00	0.01	100.0
6.	Lain-lain PTJ (21 PTJ)	14	0.03	135	0.17	(0.14)	(82.4)
JUMLAH		187	1.76	319	0.90	0.86	95.6

Sumber: Data iSPEKS Kerajaan Negeri

- c. Pejabat Sultan, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran Tanah Merah menunjukkan pembayaran yang tertinggi di bawah AP 58(a). Pembayaran AP 58(a) berlaku disebabkan bil diterima selepas penutupan akaun dan antara perihal pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERIHAL BAYARAN
1.	Pejabat Sultan	Penyelenggaraan bangunan dan kebersihan, bahan mentah makanan.
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Bayaran rawatan perubatan, bayaran elauan perjalanan Ahli Dewan Undangan Negeri.
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Bayaran bekalan bencana banjir, bantuan bencana kebakaran/ribut.
4.	Jabatan Pertanian Negeri	Bayaran bil utiliti.
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Tanah Merah	Bayaran tunggakan caruman PERKESO.

Sumber: Data iSPEKS Kerajaan Negeri

- d. Semakan Audit terhadap pembayaran AP 58(a) tahun 2020 yang dibayar pada tahun 2021 mendapati 137 baucar bayaran berjumlah RM1.35 juta dibayar dalam tempoh bulan Januari hingga Jun 2021. Sebanyak 50 baucar bayaran berjumlah RM409,058 pula dibayar dalam tempoh bulan Julai hingga Disember 2021. **Kelewatan menerima tuntutan/bil daripada pembekal**

merupakan punca utama pembayaran di bawah AP 58(a).

Tuntutan/bil ini merupakan bayaran bekalan/perkhidmatan dari tahun 2013 hingga 2020.

- e. Analisis lanjut terhadap pembayaran AP 58(a) tahun 2021 yang dibayar pada tahun 2022 mendapati 166 baucar bayaran 2021 berjumlah RM1.10 juta telah dibayar pada bulan Januari hingga April 2022. Antara perbelanjaan yang terlibat ialah bil minyak, bayaran perkhidmatan mencuci dan membersih dalam kawasan istana, bayaran rawatan perubatan, bayaran elauan perjalanan dan bayaran bekalan bencana banjir. Tuntutan/bil ini merupakan bayaran bekalan/perkhidmatan dari tahun 2019 hingga 2021. Semakan terhadap 26 sampel baucar bayaran berjumlah RM0.72 juta mendapati perkara berikut:
 - i. satu baucar bayaran berjumlah RM355,725 dibuat bagi perkhidmatan yang dilaksanakan bagi bulan Januari hingga April 2019 di Pejabat Sultan.
 - ii. lima baucar bayaran di Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM1,394 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima. Bagaimanapun, kesemua pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri untuk pembayaran.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan yang Diterima pada 21 Jun 2022

Semua tuntutan pembayaran AP58(a) ini telah mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Penubuhan Akaun Pinjaman Disatukan adalah mengikut peruntukan Perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

7.2. Pada tahun 2021, Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM365.50 juta berbanding berbaki sifar pada tahun 2020. Perkara ini disebabkan oleh pengelasan semula Akaun Pendahuluan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM406.50 juta yang dilaporkan dalam Akaun Penyelesaian telah dipindah kepada Akaun Pinjaman Disatukan.

7.3. Terimaan pinjaman bagi tahun 2021 telah bertambah sebanyak RM1.14 juta atau 8.1% menjadi RM15.16 juta berbanding RM14.02 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM11.27 juta telah disalurkan kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) bagi Projek Loji Rawatan Air Kampung Telok, Jajahan Kota Bharu. Sejumlah RM3.89 juta telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai Projek Pembinaan Istana Negeri Kelantan (Baharu).

7.4. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2021 dan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2021 DAN TAHUN 2020

PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	406.50*	0.00	406.50	100.0
Terimaan	15.16	14.02	1.14	8.1
Bayaran	52.27	13.50	38.77	287.2
Pindahan	3.89	0.52	3.37	648.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	365.50	0.00	365.50	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Baki awal RM406.50 juta adalah disebabkan pengelasan semula Akaun Pendahuluan Kerajaan Persekutuan yang telah dipindahkan kepada Akaun Pinjaman Disatukan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut Arahan Amanah dan Suratcara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2021, Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM225.75 juta berbanding RM596.69 juta pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak RM370.94 juta atau 62.2%.

8.2. Pada 31 Disember 2021, Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang berbaki defisit berjumlah RM335.38 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM38.13 juta dan Akaun Deposit berjumlah RM523 juta. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM706.97 juta, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan berjumlah RM113.41 juta dan dikurangkan oleh jumlah defisit Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air yang masing-masing berjumlah RM1.070 bilion dan RM85.77 juta.

8.3. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM338.26 juta. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

PERIHAL	BIL. AKAUN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
AKAUN AMANAH DISATUKAN TERDIRI DARIPADA:					
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan		(335.38)	2.88	(338.26)	(>1,000.0)
• Kumpulan Wang Pembangunan	1	(1,069.99)	(1,005.54)	(64.45)	(6.4)
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	1	113.41	0.00*	113.41	100.0
• Kumpulan Wang Bekalan Air	1	(85.77)	(87.77)	2.00	2.3
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	11	706.97	1,096.19	(389.22)	(35.5)
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	17	38.13	137.61	(99.48)	(72.3)
iii. Akaun Deposit	104	523.00	456.20	66.8	14.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	135	225.75	596.69	(370.94)	(62.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah diklasifikasi semula daripada Akaun Amanah Awam kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi tujuan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Penubuhannya adalah tertakluk kepada kelulusan Badan Perundangan Negeri.

8.4.2. Analisis Audit mendapati baki defisit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 berjumlah RM335.38 juta, iaitu menurun sebanyak RM338.26 juta berbanding baki tahun 2020 sejumlah RM2.88 juta. Penurunan ketara ini disebabkan oleh Akaun Pendahuluan Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Akaun Penyelesaian berjumlah RM406.50 juta sebelum ini telah dipindahkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(1,069.99)	(1,005.54)	(64.45)	(6.4)
2.	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	113.41	0.00	113.41	100.0
3.	Kumpulan Wang Bekalan Air	(85.77)	(87.77)	2.00	2.3
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada:	706.97	1,096.19	(389.22)	(35.5)
	i) Akaun Penyelesaian	0.00	409.86	(409.86)	(100.0)
	ii) Akaun Pinjaman	9.01	8.57	0.44	5.1
	iii) Kumpulan Wang Luar Jangka	5.72	5.72	0.00	0.0
	iv) Pelbagai Kumpulan Wang	692.24	672.04	20.2	3.0
BAKI PADA 31 DISEMBER		(335.38)	2.88	(338.26)	(>1,000.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

8.5.1. Prestasi Kewangan

- Pada tahun 2021, penerimaan kumpulan wang ini berjumlah RM88.42 juta yang terdiri daripada pindahan pelarasian pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.89 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM42.53 juta dan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM42 juta. Pembayaran daripada Kumpulan Wang

Pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM152.87 juta berbanding RM198.48 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM45.61 juta atau 23%.

- b. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM1.070 bilion meningkat daripada baki defisit RM1.005 bilion pada akhir tahun 2020. Pada tahun semasa, Kumpulan Wang Pembangunan mengalami defisit sejumlah RM64.45 juta. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

PERIHAL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(1,005.54)	(863.63)	(141.91)	(16.4)
Penerimaan	88.42	56.57	31.85	56.3
Pembayaran	152.87	198.48	(45.61)	(23.0)
Lebihan/Kurangan	(64.45)	(141.91)	77.46	54.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	(1,069.99)	(1,005.54)	(64.45)	(6.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM152.87 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM198.48 juta pada tahun 2020. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM72.26 juta pada tahun 2021 atau 47.3% diikuti dengan Pejabat Pembangunan Negeri iaitu sejumlah RM37.80 juta atau 24.7% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021. Perbelanjaan bagi Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri antaranya melibatkan projek Pengambilan Balik Tanah untuk Projek Negeri berjumlah RM23.65 juta, Pembangunan Bandar BerkONSEPkan Islam (Islamic City) berjumlah RM18.44 juta dan projek-projek Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri berjumlah RM5.20 juta. Perbelanjaan bagi Pejabat Pembangunan Negeri pula melibatkan Rancangan Kecil Pembangunan Fizikal dan Bukan Fizikal berjumlah RM20.25 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 dan 2020 mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 DAN 2020 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	72.26	122.53	(50.27)	(41.0)
2.	Pejabat Pembangunan Negeri	37.80	39.20	(1.40)	(3.6)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	17.63	17.85	(0.22)	(1.2)
4.	Pejabat Sultan	7.34	3.63	3.71	102.2
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	6.45	5.21	1.24	23.8
6.	Jabatan Sumber Air Negeri	4.60	0.00	4.60	100.0
7.	Jabatan Pertanian Negeri	2.39	2.11	0.28	13.3
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	2.09	3.12	(1.03)	(33.0)
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1.22	3.74	(2.52)	(67.4)
10.	Jabatan Perikanan Negeri	0.91	0.60	0.31	51.7
11.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.18	0.49	(0.31)	(63.3)
JUMLAH		152.87	198.48	(45.61)	(23.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- d. Pada tahun 2021, sejumlah RM479.29 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan dan sejumlah RM152.87 juta atau 31.9% telah dibelanjakan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding peruntukan mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA AKHIR
TAHUN 2021 BERBANDING PERUNTUKAN MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN	
				(%)	
1.	Jabatan Pertanian Negeri	2.46	2.39	97.2	
2.	Jabatan Perikanan Negeri	0.98	0.91	92.9	
3.	Pejabat Pembangunan Negeri	51.33	37.80	73.6	
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	26.61	17.63	66.3	
5.	Pejabat Sultan	11.65	7.34	63.0	
6.	Jabatan Sumber Air Negeri	9.30	4.60	49.5	
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	5.02	2.09	41.6	
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	19.23	6.45	33.5	
9.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	345.70	72.26	20.9	
10.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	6.00	1.22	20.3	
11.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.01	0.18	17.8	
JUMLAH		479.29	152.87	31.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- e. Analisis Audit berdasarkan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) yang telah diluluskan sehingga akhir tahun 2021 mendapati, sebanyak lima jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 50%. Jabatan terlibat ialah Jabatan Pertanian Negeri (97.2%), Jabatan Perikanan Negeri (92.9%), Pejabat Pembangunan Negeri (73.6%), Jabatan Kerja Raya Negeri (66.3%) dan Pejabat Sultan (63%). Bagaimanapun, enam jabatan iaitu Jabatan Sumber Air Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri hanya mencapai perbelanjaan masing-masing antara 17.8% hingga 49.5%.
- f. Tiga daripada enam jabatan tersebut telah menunjukkan prestasi perbelanjaan di bawah 25% pada tahun 2021 iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri. Kebanyakan projek pembangunan fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana pandemik Covid-19 dan PKP sebagaimana penerangan berikut:
- i. Jabatan Perhutanan Negeri hanya membelanjakan 17.8% sahaja daripada peruntukan yang diluluskan. Sebanyak RM0.70 juta telah disediakan untuk spesifikasi kerja dan telah diiklankan beberapa hari sebelum pengumuman PKP. Peruntukan tahun 2021 yang diluluskan di Taman Eco Rimba (TER) Bukit Bakar ditangguhkan pada tahun 2022 memandangkan kerja-kerja tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan masa disebabkan PKP. Projek ini juga melibatkan kerja-kerja di sungai dan skop kerja yang memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan. Selain itu, sebahagian kerja tidak dapat dilaksanakan semasa musim hujan terutama kerja yang melibatkan benteng dan tebing sungai.
 - ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan membelanjakan 20.3% daripada peruntukan yang diluluskan. Peratus perbelanjaan yang rendah berpunca daripada kemajuan kerja yang agak perlahan. Pada tahun 2021 kebanyakan projek-projek pembangunan di bawah Pejabat Perbendaharaan Negeri tidak dapat dilaksanakan kerana PKP.
 - iii. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri membelanjakan 20.9% daripada peruntukan yang diluluskan. Peratus perbelanjaan adalah rendah kerana Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri membuat bayaran berdasarkan kemajuan kerja sebagaimana Perkuhan Bayaran Interim (JKR66) yang dihantar oleh Jabatan Kerja Raya Negeri

Kelantan. Bagaimanapun, projek-projek fizikal tidak dilaksanakan mengikut carta perbatuan disebabkan pelaksanaan PKP. Bagi Projek Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek Negeri yang dilaksanakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan pula peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya berikutan terdapat prosedur-prosedur bayaran pampasan pengambilan balik tanah yang belum dapat diselesaikan pada tahun 2021 kerana pelaksanaan PKP.

8.5.2. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12

- Rancangan projek pembangunan Negeri Kelantan digubal bagi menjelaskan strategi, program/projek yang akan diperkenalkan dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kelantan. Siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan negeri berjumlah RM1.736 bilion bagi RMKe-12. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 11 jabatan dan sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM152.87 juta atau 8.8% daripada peruntukan RMKe-12 telah dibelanjakan. Status prestasi perbelanjaan pembangunan bagi RMKe-12 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN BAGI RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/ PEJABAT PELAKSANA	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN 2021-2025 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2021 (RM Juta)	PENCAPAIAN
					(%)
1.	Pejabat Sultan	5	27.65	7.34	26.5
2.	Jabatan Perikanan Negeri	13	4.63	0.91	19.7
3.	Jabatan Pertanian Negeri	10	16.70	2.39	14.3
4.	Pejabat Pembangunan Negeri*	1,749	274.65	37.80	13.8
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	57	148.62	17.63	11.9
6.	Jabatan Sumber Air Negeri	50	38.50	4.60	11.9
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11	20.70	2.09	10.1
8.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	173	78.90	6.45	8.2
9.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	21	1,045.38	72.26	6.9

BIL.	JABATAN/ PEJABAT PELAKSANA	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN 2021-2025 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2021 (RM Juta)	PENCAPAIAN
					(%)
10.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	70.00	1.22	1.7
11.	Jabatan Perhutanan Negeri	3	10.62	0.18	1.7
JUMLAH		2,093	1,736.35	152.87	8.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

Nota: (*) - Termasuk Projek Bukan Fizikal di Bawah Program Rancangan Kecil Pembangunan.

- b. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah keseluruhan bilangan projek yang dirancang oleh Kerajaan negeri melibatkan 11 jabatan ialah sebanyak 2,093 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,057 projek telah berjaya disiapkan, 14 projek dalam peringkat pelaksanaan manakala 22 projek masih belum dimulakan. Status prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 4**.

JADUAL 30
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK RMKe-12 PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/ PEJABAT PELAKSANA	BIL. PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK		
			SIAP SEBENAR	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA
1.	Pejabat Sultan	5	0	0	5
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	21	7	9	5
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	3	3	0	0
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	173	171	2	0
5.	Jabatan Pertanian Negeri	10	10	0	0
6.	Jabatan Kerja Raya Negeri	57	43	2	12
7.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	1	0	0
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11	10	1	0
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	1,749	1,749	0	0
10.	Jabatan Perikanan Negeri	13	13	0	0
11.	Jabatan Sumber Air Negeri	50	50	0	0
JUMLAH		2,093	2,057	14	22

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021/Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

CARTA 4
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021/Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

- c. Terdapat 14 projek sedang dalam peringkat pelaksanaan melibatkan empat jabatan iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri. Antara projek berskala besar yang sedang dalam peringkat pelaksanaan ialah Pembangunan Bandar Berkonsepkan Islam (Islamic City) yang melibatkan kos berjumlah RM180.48 juta dan Pembangunan Madinatul Al-Riyadiah Bukit Merbau melibatkan kos berjumlah RM134.52 juta.
- d. Daripada keseluruhan projek fizikal yang dirancang, sebanyak 22 projek belum dimulakan pelaksanaannya melibatkan Pejabat Sultan, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta Jabatan Kerja Raya Negeri seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
PROJEK RMKe-12 YANG BELUM DIMULAKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN PELAKSANA/NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
PEJABAT SULTAN			
1.	Cadangan Pemasangan Lif Penumpang untuk Kegunaan Dapur di Istana Negeri Kubang Kerian	1.20	Terdapat perubahan rekabentuk
2.	Cadangan Kerja Menaik taraf Sistem Penyamanan Udara di Dewan Jubli Perak Istana Kubang Kerian	7.00	Projek ini masih peringkat penilaian dan penyediaan kertas kerja oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)

BIL.	JABATAN PELAKSANA/NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
3.	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Pencawang Elektrik <i>Feeder Pillar</i> di Istana Kubang Kerian	5.00	Projek ini masih peringkat penilaian oleh JKR
4.	Kerja-kerja Membina Kuarters Pegawai dan Pengawal Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V di Istana Kubang Kerian	3.00	Peringkat kerja awalan
5.	Kerja-kerja Membina Sebuah Banglo Peribadi KDYMM Sultan Muhammad V di Istana Kubang Kerian	2.50	Peringkat kerja awalan
PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI			
1.	Projek Pembangunan Khazanah dan Warisan	0.25	Tiada permohonan perbelanjaan diterima
2.	Kajian Kemungkinan	0.50	Tiada permohonan perbelanjaan diterima
3.	Penyelenggaraan/Naik taraf Pusat Latihan Atlet	2.10	Tiada permohonan perbelanjaan diterima
4.	Lebuh Raya Rakyat	0.00*	Tiada permohonan perbelanjaan diterima
5.	Projek Pembangunan Kampung Tradisional	0.50	Tidak dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan PKP
JABATAN KERJA RAYA NEGERI			
1.	Cadangan Menaik taraf Simpang Tiga Jalan Kemuning Machang	0.01	Isu pengambilan balik tanah dicadangkan pembesaran simpang dalam rizab jalan sahaja.
2.	Cadangan Menaik taraf Simpang Gelang Mas Jalan Tendong Pasir Mas	0.01	Dicadangkan untuk naik taraf keselamatan jalan raya sahaja dengan tidak melibatkan pengambilan balik tanah.
3.	Cadangan Membina Jambatan Baru di Kampung Padang Lembek Ketereh	0.08	Dalam proses reka bentuk secara dalaman oleh Ibu Pejabat JKR.
4.	Cadangan Pembinaan Jambatan Kampung Pauh Buntut Bachok	0.08	Dalam proses reka bentuk secara dalaman oleh Ibu Pejabat JKR.
5.	Cadangan Menaik taraf Jambatan Kedai Piah Kota Bharu	0.08	Dalam proses reka bentuk secara dalaman oleh Ibu Pejabat JKR.
6.	Cadangan Menaik taraf Jalan Chempaka Merah Bandar Tanah Merah	0.02	Projek telah disenaraikan dalam Rolling Plan 3 (RP-3) Projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
7.	Cadangan Pembinaan Jalan Susur Keluar dari Jambatan Sultan Yahya Petra ke Kampung Pasir Pekan Hulu Tumpat	0.05	Dalam proses rekabentuk secara dalaman oleh Ibu Pejabat JKR.
8.	Cadangan Membina Jalan dan Jambatan dari Kg Lembaga ke Bandar Lama Gua Musang	0.10	Projek telah disenaraikan dalam RP-3 (Projek KPLB).

BIL.	JABATAN PELAKSANA/NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
9.	Cadangan Pembinaan Jalan Pintas Kampung Bukit Balor ke Kampung Mujor	0.10	Projek telah disenaraikan dalam RP-3 (Projek KPLB).
10.	Cadangan Membina Jambatan yang Menghubungkan Pulau-pulau dan Tanah Besar di Jajahan Tumpat	0.05	Projek telah disenaraikan dalam RP-3 (Projek KPLB).
11.	Cadangan Menaik taraf Jambatan dan Kerja-kerja Berkaitan di Laluan D182 Banggol Setol-Banggol Kong Pasir Mas	0.02	Projek telah disenaraikan dalam RP-3 (Projek KPLB).
12.	Cadangan Menaik taraf Jambatan Sungai Kemubu di Kilometer 10.0 Laluan D15 Jalan Pulai Chondong, Kemubu	0.02	Projek telah disenaraikan dalam RP-3 (Projek KPLB).

Sumber: Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

Nota: (*) – Bajet bagi tahun 2021 ialah RM0 kerana projek ini dalam proses pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan

8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2021, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM389.22 juta atau 35.5% berbanding tahun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh Akaun Pendahuluan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM406.50 juta yang dilapor dalam Akaun Penyelesaian sebelum ini telah diklasifikasikan semula di bawah Akaun Pinjaman Disatukan. Akaun Penyelesaian Cek Terbatal berjumlah RM2.88 juta dan Akaun Penyelesaian Electronic Funds Transfer (EFT) Terbatal sejumlah RM0.48 juta dilaporkan sebagai Akaun Deposit Pelarasaran selaras dengan Carta Akaun Akruan. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 dan tahun 2020 seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2021 DAN TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,096.19	1,088.20	7.99	0.7
Terimaan	331.48	292.35	39.13	13.4
Perbelanjaan/Agihan	720.70	284.36	436.34	153.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	706.97	1,096.19	(389.22)	(35.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.6.1. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Perenggan 10(1)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun amanah ini digunakan khusus bagi membayai program penyelenggaraan semua jalan negeri dan perbelanjaan pengurusan lain yang berkaitan.
- b. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2021 berjumlah RM691.72 juta berbanding RM671.52 juta pada akhir tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM20.20 juta atau 3%. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2021 DAN TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	671.52	657.50	14.02	2.1
Terimaan	167.98	144.72	23.26	16.1
Perbelanjaan/Agihan	147.78	130.70	17.08	13.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	691.72	671.52	20.20	3.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM23.26 juta kepada RM167.98 juta berbanding RM144.72 juta pada tahun 2020. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM147.78 juta atau 88% daripada jumlah terimaan tahun 2021. Perbelanjaan tahun 2021 berjumlah RM147.78 juta meningkat sebanyak RM17.08 juta berbanding RM130.70 juta pada tahun 2020.
- d. Panjang jalan yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) pada tahun 2021 ialah 19,997.58 kilometer (km). Panjang jalan ini termasuk jalan raya negeri, jalan raya perbandaran, lorong belakang, jalan kawasan perumahan, jalan raya kampung dan jalan pertanian. Panjang jalan yang didaftarkan dalam tahun 2021 meningkat sebanyak 254.54 km berbanding 19,743.04 km pada tahun 2020.

8.6.2. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957. Bagaimanapun, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah dipinda penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 akta yang sama mulai 25 Oktober 2020. Ianya bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek yang berkaitan dengan menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Pada tahun 2021, baki Kumpulan Wang ini meningkat kepada RM113.41 juta berbanding RM106.52¹ juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh pendapatan yang terdiri daripada ses pembangunan hutan yang melebihi perbelanjaan sejumlah RM6.89 juta pada tahun 2021.

8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

8.7.1. Sebanyak 17 akaun amanah diselenggarakan pada tahun 2021 iaitu 11 akaun amanah yang masih aktif dan enam akaun amanah dengan baki tidak berubah.

8.7.2. Pada tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM38.13 juta, menurun sebanyak RM99.48 juta atau 72.3% berbanding RM137.61 juta pada tahun 2020. Penurunan yang ketara adalah disebabkan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang berbaki awal berjumlah RM106.52 juta telah diklasifikasi semula daripada Akaun Amanah Awam Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

¹ RM106.52 juta merupakan baki tahun 2020 yang diakaunkan di bawah Akaun Amanah Awam, Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan. Rujuk nota di Jadual 24.

JADUAL 34
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	31.09*	127.85	(96.76)	(75.7)
Penerimaan	49.17	60.57	(11.40)	(18.8)
Pembayaran	42.13	50.81	(8.68)	(17.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER	38.13	137.61	(99.48)	(72.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Baki Akaun Amanah Awam berjumlah RM137.61 juta yang mengandungi Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan berjumlah RM106.52 juta telah diklasifikasikan kepada Akaun Amanah Seksyen 9.

8.7.3. Akaun Amanah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Negeri Kelantan

Akaun Amanah ini ditubuhkan pada 27 Disember 2020 bertujuan untuk mengakaunkan peruntukan bagi pembayaran elauan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Negeri Kelantan. Akaun ini ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2021, baki Akaun Amanah ini berjumlah RM3.19 juta berbanding RM2.05 juta pada tahun 2020 yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.14 juta atau 55.6%. Jumlah terimaan akaun amanah ini pada tahun 2021 ialah RM7.24 juta dan sejumlah RM6.10 juta telah dibelanjakan.

8.7.4. Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan

- Akaun Amanah ini ditubuhkan pada Mei 2008 dengan tujuan untuk mengakaunkan sumbangan, terimaan dan perbelanjaan berkaitan dengan projek di bawah kendalian dana khas Kerajaan Persekutuan. Pengurusan akaun ini dikawal oleh YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Penerimaan akaun amanah ini adalah daripada sumbangan syarikat-syarikat, individu-individu dan pihak-pihak selain daripada Kerajaan negeri.
- Pada tahun 2021, baki Akaun Amanah ini berjumlah RM0.91 juta berbanding RM0.24 juta pada tahun 2020 yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.67 juta atau 279.2%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh terimaan peruntukan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) daripada Kementerian Kewangan Malaysia sejumlah RM20 juta untuk pelaksanaan projek-projek berskala kecil di Negeri Kelantan dan terimaan peruntukan daripada NADMA untuk Bantuan Wang Ihsan Mangsa Bencana Banjir

Monsun Timur Laut 2020/2021 sejumlah RM1.04 juta. Terimaan lain adalah geran langsung bagi Program Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil dan Projek Kajian Pembangunan Sumber Air Negeri Kelantan berjumlah RM9.21 juta.

- c. Peruntukan PEMERKASA disalurkan bagi tujuan pembaikan dan pembinaan infrastruktur dan fasiliti awam di Negeri Kelantan. Antara projek yang telah dilaksanakan ialah projek membaik pulih sistem bekalan air, kerja-kerja menyelenggara dan menambun tanah di kawasan perkuburan dan kerja-kerja membaik pulih bangunan seperti bangunan akademik, dewan sukan, tandas awam dan rumah orang miskin di daerah-daerah di Kelantan. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada 15 jabatan bagi pelaksanaan 553 projek di bawah program PEMERKASA bagi tahun 2021 iaitu Jabatan Sumber Air Negeri, Yayasan Islam Kelantan, Jabatan Kerja Raya Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan) dan 10 Pejabat Tanah dan Jajahan di Negeri Kelantan. Semua projek telah berjaya disiapkan dan sejumlah RM19.55 juta atau 97.8% daripada peruntukan ini telah dibelanjakan.
- d. Peruntukan Bantuan Wang Ihsan Mangsa Bencana Banjir Monsun Timur Laut 2020/2021 telah disalurkan kepada Ketua-ketua Jajahan di daerah yang terkesan dengan bencana banjir iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh. Peruntukan disalurkan kepada 2,041 ketua isi rumah yang terkesan akibat bencana banjir. Penerima bantuan menerima sejumlah RM500 bagi setiap ketua isi rumah dan bagi keluarga mangsa kematian menerima sejumlah RM5,000. Peruntukan sejumlah RM1.04 juta telah dibelanjakan sepenuhnya dalam tahun 2021. Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas Persekutuan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH
DANA KHAS PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.24	0.13	0.11	84.6
Penerimaan	30.31	20.00	10.31	51.6
Pembayaran	29.64	19.89	9.75	49.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.91	0.24	0.67	279.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.7.5. Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan

- a. Akaun Amanah ini ditubuhkan pada bulan Disember 2014 bertujuan untuk menerima dan mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri, agensi Kerajaan, anak-anak syarikat Kerajaan negeri dan lain-lain sumbangan bagi tujuan membantu mangsa banjir di Negeri Kelantan. Jawatankuasa Akaun Amanah ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Kelantan dan pengurusan akaun ini dikawal oleh YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri.
- b. Pada tahun 2021, baki Akaun Amanah ini berjumlah RM4.60 juta berbanding RM4.80 juta pada tahun 2020 yang menunjukkan penurunan sejumlah RM200,000 atau 4.2%. Terimaan pada tahun 2021 adalah sejumlah RM30,000 daripada Bank Rakyat berbanding RM102,032 pada tahun 2020. Sejumlah RM226,513 telah dibelanjakan termasuk pemberian sumbangan untuk misi pemulihan banjir Kelantan ke Pahang dan sumbangan bantuan banjir DUN Pengkalan Kubor.

8.8. Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus, Deposit Pelarasan dan Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Wang Deposit ialah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tercapai.

8.8.1. Pada 31 Disember 2021, baki akaun deposit meningkat sebanyak RM66.80 juta atau 14.6% menjadi RM523 juta berbanding RM456.20 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan deposit pampasan tanah Jambatan Palekbang daripada ECER berjumlah RM15 juta dan bantuan banjir sebanyak RM1 juta daripada NADMA yang diperakaunkan ke ATTD pada 31 Disember 2021. Kedudukan baki akaun deposit pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2021 DAN 2020

JENIS DEPOSIT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	25.22	5.57	19.65	352.80
Deposit Khusus	475.30	450.26	25.04	5.6

JENIS DEPOSIT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Pelarasan	22.29	0.18	22.11	>1,000.0
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	0.19	0.19	0.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	523.00	456.20	66.80	14.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.8.2. Deposit Am terdiri daripada Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Am yang Lain, Deposit Khusus pula terdiri daripada Deposit Mahkamah Tinggi/Syariah, Deposit Pejabat Tanah dan Deposit Pampasan, manakala Deposit Pelarasan terdiri daripada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan, Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal.

8.8.3. Peruntukan daripada NADMA yang disalurkan ke Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bagi tujuan pengoperasian PKRC berjumlah RM22.91 juta telah diperakaunkan di bawah Deposit Am pada kategori Deposit Am yang Lain. Pada akhir tahun 2021 baki Deposit Am yang Lain telah meningkat sebanyak RM20.49 juta atau 98% berbanding RM0.40 juta pada tahun 2020. Antara sebab peningkatan ialah kerana terdapat penerimaan peruntukan daripada NADMA bagi tujuan pengoperasian PKRC berjumlah RM22.91 juta. Sebanyak RM18.58 juta atau 81.1% daripada peruntukan NADMA telah dibelanjakan bagi PKRC. Terimaan dan perbelanjaan pengoperasian PKRC daripada NADMA adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
TERIMAAN DAN PERBELANJAAN
PENGOPERASIAN PKRC DARIPADA NADMA PADA TAHUN 2021

PERIHAL	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
NADMA - PKRC	22.91	18.58	4.33	81.1

Sumber: Deposit Am Yang Lain PPN

8.8.4. Peruntukan tersebut disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Tanah dan Jajahan. Peruntukan disalurkan bagi tujuan makan minum petugas-petugas serta pesakit di pusat kuarantin, pembelian peralatan dan kelengkapan di pusat kuarantin serta hospital dan bayaran sewaan bagi pembukaan PKRC di setiap daerah.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 terdiri daripada pinjaman menggunakan sumber Kerajaan negeri berjumlah RM25.13 juta dan pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM456.58 juta. Pada akhir tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM16.70 juta atau 3.6% daripada RM465.01 juta pada tahun 2020 kepada RM481.71 juta pada tahun 2021. Baki pinjaman Badan Berkanun Negeri meningkat sebanyak RM0.18 juta atau 0.1% dan baki pinjaman Syarikat Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM16.86 juta atau 6.5%. Manakala kedudukan baki pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan menurun sebanyak RM0.34 juta atau 2.1%. Penurunan ini disebabkan penyelesaian penuh baki pinjaman dari Majlis Daerah Pasir Putih yang dibuat secara pelarasaran dengan pembelian tanah milik PBT tersebut melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 15/2021. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	191.16	190.98	0.18	0.1
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	15.52	15.86	(0.34)	(2.1)
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	275.03	258.17	16.86	6.5
JUMLAH		481.71	465.01	16.70	3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.2. Pada tahun 2021, agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan berjumlah RM251.12 juta. Jumlah bayaran pinjaman terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM24.83 juta dan tunggakan berjumlah RM226.29 juta. Pada tahun 2021, agensi menghadapi kekangan kewangan untuk menjelaskan bayaran pinjaman kerana hasil yang dikutip pada tahun 2021 terjejas akibat pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP. Oleh itu agensi hanya membuat bayaran

balik pinjaman kepada Kerajaan negeri sejumlah RM5.44 juta. Ini menjadikan baki tunggakan pinjaman pada 31 Disember 2021 berjumlah RM245.68 juta. Kedudukan bayaran balik tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN BAYARAN BALIK TUNGGAKAN
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2021 (RM Juta)	ANUITI 2021 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12. 2021 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	113.15	9.37	122.52	1.20	121.32
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.60	4.35	5.95	4.24	1.71
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	111.54	11.11	122.65	0.00	122.65
JUMLAH		226.29	24.83	251.12	5.44	245.68

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.1.3. Sejumlah 14 atau 43.8% daripada 32 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik dengan tempoh tunggakan antara lima bulan hingga 15 tahun melibatkan 117 ansuran yang tertunggak. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM19.39 juta atau 8.6% menjadi RM245.68 juta berbanding RM226.29 juta pada akhir tahun 2020. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR 2021 BERBANDING TAHUN 2020

PEMINJAM	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK			BIL. ANSURAN TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2021	TEMPOH TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2021 (Tahun)
	Bil.	TERTUNGGAK (Bil.)	(%)	31.12.2020 (RM Juta)	31.12.2021 (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN)		
						(RM Juta)		
Badan Berkanun Negeri	3	2	66.7	113.15	121.32	8.17	7.2	23
Pihak Berkuasa Tempatan	18	3	16.7	1.60	1.71	0.11	6.9	3
Syarikat Kerajaan Negeri	11	9	81.8	111.54	122.65	11.11	10.0	91
JUMLAH	32	14	43.8	226.29	245.68	19.39	8.6	117
5 bulan – 15 tahun								

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

9.2.1. Pelaburan merupakan pegangan ekuiti dalam badan berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, saham dalam syarikat berkaitan kerajaan, agensi antarabangsa dan syarikat-syarikat lain. Pada tahun 2021, baki pelaburan di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM7.21 juta berbanding RM7.20 juta pada tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM10,000 atau 0.1%. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 dan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	PELABURAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	4.75	0.00	0.0
2.	Petron, Malaysia Mining Corporation Berhad	0.12	0.12	0.00	0.0
3.	Pelaburan Portfolio	2.34	2.33	0.01	0.4
JUMLAH		7.21	7.20	0.01	0.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.2.2. Pada tahun 2021, pulangan dividen yang diterima oleh Kerajaan negeri berjumlah RM0.03 juta, menurun sebanyak RM0.17 juta atau 85% berbanding RM0.20 juta pada tahun 2020. Penurunan pulangan dividen pelaburan saham dalam Syarikat Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad dan Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad disebabkan kedudukan kewangan syarikat yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Tiada dividen diterima daripada Syarikat Malaysian Airports Holdings Berhad berbanding dividen tahun 2020 yang berjumlah RM190,000. Pulangan dividen ke atas pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 42** dan **Carta 5**.


JADUAL 42
KEDUDUKAN PELABURAN DAN PULANGAN DIVIDEN PELABURAN
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2021

BIL.	PELABURAN	NILAI KOS (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN (DIVIDEN) TAHUN (RM Juta)				
			2017	2018	2019	2020	2021
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	0.41	0.25	0.17	0.19	0.00
2.	Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad	0.11	0.02	0.03	0.02	0.01	¹ 0.00
3.	Malaysia Mining Corporation Berhad	0.01	² 0.00	³ 0.00	⁴ 0.00	⁵ 0.00	0.03
JUMLAH		4.87	0.43	0.28	0.19	0.20	0.03

Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

Nota : ¹– RM5,345 ²– RM553 ³– RM554 ⁴– RM553 ⁵– RM827

CARTA 5
PULANGAN DIVIDEN KE ATAS
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.3. Kedudukan nilai pasaran pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2017 hingga tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN NILAI PASARAN PELABURAN
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	PELABURAN	NILAI KOS (RM Juta)	NILAI PASARAN (RM Juta)				
			2017	2018	2019	2020	2021
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	16.70	15.92	14.44	11.25	11.36
2.	Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad	0.11	1.46	0.68	0.54	0.57	0.47
3.	Malaysia Mining Corporation Berhad	0.01	0.03	0.01	0.01	0.01	0.03
4.	Pelaburan Portfolio	2.34	2.71	2.81	3.04	3.18	3.20
JUMLAH		7.21	20.90	19.42	18.03	15.01	15.06

Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.4. Pelaburan Dalam Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad

- a. Pada tahun 2002, Kerajaan negeri telah melabur dalam saham Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad sebanyak 14,000 unit saham bernilai RM0.50 setiap satu saham.

- b. Pada 16 Disember 2021, Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad telah dikeluarkan daripada senarai Bursa Malaysia. Pelaburan saham ini tidak sepatutnya lagi dilaporkan dalam Penyata Kewangan tahun 2021 menyebabkan baki Akaun Memorandum Aset Pelaburan terlebih nyata sejumlah RM7,000.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan yang Diterima pada 5 April 2022

RHB Nominess (Tempatan) Berhad sebagai agen pelaburan tidak memaklumkan secara terperinci berkenaan penutupan akaun Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad yang telah dikeluarkan daripada senarai Bursa Malaysia. Pelarasan terhadap Akaun Memorandum Pelaburan akan dibuat pada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2022 kerana nilai pelaburan tersebut tidak menjelaskan Penyata Kewangan.

9.3. Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2021, baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM11.13 juta atau 1.4% menjadi RM830.30 juta berbanding RM819.17 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh bayaran balik yang dibuat dalam tahun semasa kurang daripada anuiti tahunan yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2021, baki Hutang Awam belum selesai bagi migrasi hutang AKSB kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM183.05 juta. Baki hutang Projek Bekalan Air AKSB ini akan dilaraskan apabila perjanjian novasi antara Kerajaan Persekutuan dan PAAB dimuktamadkan. Kedudukan Hutang Awam pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

**JADUAL 44
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 DAN TAHUN 2020**


BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	254.53	255.03	(0.50)	(0.2)
2.	Projek Bekalan Air	258.44	247.17	11.27	4.6
3.	Projek Membaik Pulih Loji Rawatan Pembetungan	30.00	30.00	0.00	0.0
4.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	52.34	53.69	(1.35)	(2.5)

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
5.	Pelbagai Projek Lain	234.99	233.28	1.71	(0.7)
JUMLAH		830.30	819.17	11.13	1.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.2. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 6
KEDUDUKAN HUTANG AWAM TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.3.3. Selain itu, Kerajaan negeri mempunyai tunggakan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berjumlah RM379.01 juta, iaitu meningkat sebanyak RM27.08 juta atau 7.7% berbanding RM351.93 juta pada tahun 2020. Tunggakan ini melibatkan 15 pinjaman atau 78.9% daripada 19 pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.44 juta atau 1.2% daripada RM383.83 juta yang perlu dijelaskan dalam tahun semasa. Pada tahun 2020 Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan melebihi anuiti tahun semasa berjumlah RM0.91 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2021 Kerajaan negeri telah mengambil kira sebahagian

bayaran yang melebihi anuiti pada tahun 2020 sejumlah RM0.38 juta untuk dikira sebagai bayaran balik pada tahun semasa. Sebahagian daripada bayaran balik pinjaman ini menggunakan dividen yang diterima daripada saham Petronas Dagangan Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TUNGGAKAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)	ANUITI 2021 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2021 (RM Juta)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	109.19	9.30	118.49	0.92	117.57
2.	Projek Bekalan Air	143.22	9.74	152.96	0.00	152.96
3.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	18.34	2.61	20.95	1.35	19.60
4.	Pelbagai Projek Lain	71.64	8.89	80.53	2.55	77.98
5.	Projek Membaik Pulih Loji Rawatan Pebetungan	9.54	1.36	10.90	0.00	10.90
JUMLAH		351.93*	31.90	383.83	4.82**	379.01*


Sumber: Senarai Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Kelantan Sehingga 31 Disember 2021

Nota: (*) – Jumlah tunggakan telah mengambil kira jumlah pokok dan faedah untuk pinjaman tersebut

(**) – Jumlah ini termasuk bayaran yang melebihi anuiti yang dijelaskan dalam tahun 2020 berjumlah RM385,284.16

9.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tahun 2017 hingga tahun 2021 adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HUTANG AWAM TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima (ABT), peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai ABT dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dan salinannya dihantar kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan tentang penyelenggaraan dan pelaporan ABT. Selain itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri bagi penutupan Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2021 menghendaki Penyata ABT 2021 dikemukakan kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada 6 Januari 2022.

10.1.2. ABT Negeri Kelantan telah menurun sebanyak RM26.58 juta atau 15.2% kepada RM147.97 juta pada tahun 2021 berbanding RM174.55 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh pemurnian data ABT di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK). Pada tahun 2021, JPNK hanya melaporkan amaun ABT syarikat yang telah mempunyai lesen bagi Projek Ladang Hutan dan Pengusahahasilan Hutan iaitu PKINK. Pada tahun 2021, sebahagian besar daripada ABT merupakan Denda Cukai Tanah, Cukai Tanah Berulang dan hutang Tribute Konsesi Hutan kepada Kerajaan negeri berjumlah RM137.59 juta atau 93% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil. Kedudukan ABT pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Denda Cukai Tanah	70.88	80.95	(10.07)	(12.4)
Cukai Tanah Berulang	61.09	54.68	6.41	11.7
Hutang Tribute Konsesi Hutan Kepada Kerajaan Negeri	5.62	5.76	(0.14)	(2.4)
Lain-lain	10.38	33.16	(22.78)	(68.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	147.97	174.55	(26.58)	(15.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.3. Hutang Tribute Konsesi Hutan Kepada Kerajaan Negeri

Semakan Audit mendapati ABT terlebih nyata sejumlah RM2.39 juta kerana perbezaan amaun hutang tribute konsesi hutan kepada Kerajaan negeri pada rekod yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan syarikat penghutang iaitu PKINK.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan yang Diterima pada 10 Mei 2022

Tunggakan tribute konsesi hutan Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK) Sdn. Bhd. dan Great Eastern Mills telah diselaraskan di antara PKINK dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan bersetuju dengan tunggakan sejumlah RM2.50 juta dan RM0.74 juta mengikut turutan. Pelarasan terhadap Nota Kepada Penyata Kewangan akan dibuat oleh Kerajaan negeri pada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2022 kerana amaun tersebut tidak menjaskan Penyata Kewangan tahun semasa.

10.1.4. Cukai Tanah ialah cukai yang dikenakan ke atas pemilik tanah sebagai balasan kepada Pihak Berkuasa Negeri yang telah memberi milik tanah Kerajaan kepadanya. Cukai Tanah perlu dibayar sekali setahun. Sekiranya tidak dibayar sebelum 30 Jun ianya menjadi tunggakan pada hari pertama bulan Julai tahun tersebut. Tunggakan Cukai Tanah Berulang merupakan 41.3% daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2021. Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah Berulang tertinggi pada tahun 2021 iaitu RM4.63 juta atau 27.7% menjadi RM21.34 juta berbanding RM16.71 juta pada tahun 2020. Butiran tunggakan Cukai Tanah Berulang mengikut Pejabat Tanah dan Jajahan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 47** dan **Carta 8**.

JADUAL 47
TUNGGAKAN CUKAI TANAH BERULANG
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	JABATAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang	21.34	16.71	4.63	27.7
2.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	12.40	9.28	3.12	33.6
3.	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli	3.78	2.28	1.50	65.8
4.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh	2.63	1.79	0.84	46.9
5.	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok	1.80	1.58	0.22	13.9
6.	Pejabat Tanah dan Jajahan Machang	2.22	2.12	0.10	4.7
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	3.47	3.69	(0.22)	(6.0)
8.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	3.49	3.83	(0.34)	(8.9)
9.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat	1.15	1.58	(0.43)	(27.2)
10.	Pejabat Tanah dan Jajahan Lojing	1.63	2.39	(0.76)	(31.8)
11.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	7.18	9.43	(2.25)	(23.9)
JUMLAH		61.09	54.68	6.41	11.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 8
TUNGGAKAN CUKAI TANAH BERULANG PADA TAHUN 2020 DAN TAHUN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada akhir tahun 2021 adalah stabil berdasarkan faktor-faktor seperti berikut:

- 11.1. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM42.17 juta atau 10.2% kepada RM453.68 juta pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 berjumlah RM411.51 juta;
- 11.2. Pelaburan Am menurun sebanyak RM126 juta atau 96.9% kepada RM3.98 juta pada tahun 2021 daripada RM129.98 juta pada tahun 2020;
- 11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM47.61 juta pada tahun 2021. Baki defisit terkumpul berkurang menjadi RM137.57 juta pada tahun 2021 berbanding defisit RM185.18 juta pada tahun 2020;

- 11.4. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi Kerajaan negeri telah meningkat kepada RM245.68 juta pada tahun 2021 daripada RM226.29 juta pada tahun 2020;
- 11.5. Hutang Awam meningkat kepada RM830.30 juta pada tahun 2021 daripada RM819.17 juta pada tahun 2020;
- 11.6. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan juga meningkat kepada RM379.01 juta pada tahun 2021 daripada RM351.93 juta pada tahun 2020; dan
- 11.7. Prestasi pencapaian pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tahun 2021 adalah memuaskan kerana sejumlah RM152.87 juta atau 31.9% telah dibelanjakan daripada RM479.29 juta peruntukan yang diluluskan. Peratus kemajuan fizikal projek pembangunan adalah baik di mana bilangan projek yang dapat disiapkan adalah sebanyak 2,057 (98.3%) berbanding 2,093 projek yang dirancang. Hanya 14 projek masih dalam peringkat pelaksanaan manakala 22 projek masih belum dimulakan.

12. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan Kerajaan negeri melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan hasil dan mengawal perbelanjaan secara berhemat bagi memperkuuhkan kedudukan kewangan. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan negeri adalah seperti berikut:

- 12.1. meningkatkan hasil dengan mengambil tindakan susulan yang berkesan bagi mendapatkan hasil yang tertunggak;
- 12.2. mengawal perbelanjaan dengan memastikan perbelanjaan dilaksanakan mengikut keperluan dan kedudukan aliran tunai;
- 12.3. mengawal perbelanjaan di bawah AP 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima serta tidak menjaskankan peruntukan tahun semasa;
- 12.4. mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pelaburan dengan memastikan nilai bawaan pelaburan di Penyata Kewangan adalah tepat berdasarkan kuantiti saham terkini yang dimiliki oleh Kerajaan negeri;

- 12.5. mempertimbangkan penstrukturran atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman oleh agensi yang terjejas kesan dari pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP tertakluk kepada kedudukan aliran tunai semasa Kerajaan negeri; dan
- 12.6. memantau dan melaksanakan penguatkuasaan ke atas ABT dan tunggakan hasil untuk memastikan ketepatan penyata kewangan Kerajaan negeri.